

Peluang Pekerjaan

Pelatih-pelatih yang tamat dengan jaya akan dianugerahkan Diploma Juruteknologi Pergigian dan wajib berkhidmat dengan kerajaan selama 5 tahun.

Tangga Gaji :

Juruteknologi Pergigian Terlatih akan menikmati tangga gaji Gred U 8; P1T6 RM 1072.50 (tertakluk kepada perubahan semasa)

Lain - lain faedah

1. Lantikan tetap dan berpencen.
2. Pakaian seragam dan kasut percuma.
3. Cuti tahunan.
4. Kemudahan khidmat perubatan dan pergigian percuma.
5. Skim pinjaman perumahan.
6. Latihan dalam perkhidmatan.
7. Skim pinjaman pembelian komputer.

Penempatan

Bertugas di makmal pergigian di Klinik Kesihatan Kerajaan dan Hospital Kerajaan.



Juruteknologi Pergigian sedang memproses dentur

Prospek Kerjaya

Juruteknologi Pergigian Terlatih Gred U 8 yang telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat selama 5 tahun layak memohon :-

* Kenaikan pangkat melalui temuduga ke - jawatan kanan Gred U7, Gred U6, Gred U5 dan Gred U4 (tertakluk kepada prestasi).

* Kenaikan pangkat melalui temuduga sebagai **Pengajar** di Sekolah Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang. Perlu menjalani Kursus Pengajar selama 1 tahun akademik di Institusi yang ditetapkan.

* Kursus Pos - Basik.

Bagi anda yang ingin menceburi bidang yang lebih mencabar, anda boleh membuka makmal persendirian selepas tamat 5 tahun perkhidmatan wajib. Ini dapat menyumbang dalam memberi perkhidmatan kepada Klinik - klinik Pergigian Swasta.

Kursus Pos- Basik

- (i) Kursus Pos - Basik Protesis Maksilofasial
- (ii) Kursus Pos - Basik Ortodontik

Kursus ini dijalankan selama 6 bulan sepenuh masa melalui 5 fasa (Modul) di SLPM dan Pusat Latihan Amali (Klinik Pergigian Pakar Negeri / Daerah). Selepas tamat kursus ini, mereka akan ditempatkan di Klinik Pergigian Pakar yang ditentukan.



Kerjaya dalam bidang PERGIGIAN



JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN

Unit Penggalakan Kesihatan Pergigian
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
MOH / K / GIG / 3.2000 (PT)

Anda berminat ?

Sekiranya anda mempunyai ketangkasan tangan yang baik (good manual dexterity) serta mempunyai minat dan berkebolehan memperbaiki peralatan elektrik dan elektronik maka anda dipelawa memohon untuk menjalani kursus latihan **Juruteknologi Pergigian**.

Deskripsi Tugas

Juruteknologi Pergigian bertanggungjawab :

- * Merangka, memproses dan menghasilkan aplians prostetik, ortodontik, maksilofasial dan restoratif.
- * Menyelenggara dan memperbaiki alat kelengkapan pergigian.

Kelayakan

1. **Umur** : Calon - calon hendaklah berumur 17 tahun ke atas dan tidak melebihi 24 tahun.
2. **Jantina** : Perempuan / Lelaki (belum berkahwin)
3. **Kelulusan** : Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya serta mempunyai kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sains, Matematik dan dua mata pelajaran lain. Calon yang lulus dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.
4. **Fizikal** : Sempurna pancaindera serta tidak cacat anggota tangan.
5. **Taraf Kerakyatan** : Warganegara Malaysia.

6. Lantikan Melalui : Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).

- (i) Pembantu Pembedahan Pergigian yang telah disahkan dalam jawatan atau calon - calon dari lain - lain Perkhidmatan Awam / Badan - badan Berkanun.
- (ii) Mempunyai kelulusan seperti di 3.
- (iii) Berumur tidak melebihi 45 tahun.

Calon - calon yang berjaya akan menjalani latihan selama 3 tahun di Sekolah Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang (SLPM) dan pusat latihan amali negeri atau daerah.

Cara Memohon

Borang permohonan boleh diperolehi daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Elaun Biasiswa

Pelatih akan diberi elaun biasiswa dan tempat tinggal di asrama yang beryuran.



Latihan praktikal (pembuatan dentur)

Struktur Kursus

Tempoh Latihan : 3 tahun

Tahun I : Semester I (6 bulan) - SLPM
Teori dan Praktikal - Peperiksaan

Semester II (6 bulan) - SLPM
Teori dan Praktikal - Peperiksaan

Tahun II : Semester III (6 bulan) - SLPM
Teori dan Praktikal / Latihan
Klinikal - Peperiksaan

Semester IV (6 bulan) - SLPM
Teori dan Praktikal / Latihan
Klinikal - Peperiksaan

Tahun III : Semester V (6 bulan)
Pusat Latihan Amali
Teori & Praktikal / Latihan
Klinikal - Peperiksaan

Semester VI (6 bulan)
3 bulan awal - Pusat Latihan Amali
Teori dan Praktikal / Latihan
Klinikal
3 bulan akhir - SLPM
Teori dan Praktikal / Latihan
Klinikal - Peperiksaan Akhir



Latihan
membaiki
peralatan
pergigian